

29 APR 1997

Zahid-Kuan Yew

PEMUDA UMNO MAHU BUKA "BUKU BARU" DENGAN SINGAPURA

PETALING JAYA, 29 April (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini menyambut baik usaha Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew menarik balik afidavit bersumpahnya yang mengandungi kenyataan menghina Johor sebagai negeri yang masyhur dengan "tembak-menembak, samun dan rampas kereta".

Ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata, pergerakan itu menerima dengan positif dan hati terbuka usaha yang telah dilakukan oleh Lee sendiri bagi mengeluarkan perkataan berkenaan seperti yang dijanjikan sebelum ini.

"Kita harap lepas ini tidak ada lagi kenyataan-kenyataan sama ada secara langsung atau tidak langsung dikeluarkan yang boleh menyentuh perasaan rakyat Malaysia," katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri perasmian Kongres Kebangsaan mengenai Wawasan 2020 di Bandar Sunway, di sini, oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Semalam, Mahkamah Tinggi Singapura telah mengarahkan supaya perkataan-perkataan itu dikeluarkan daripada afidavit bersumpah Lee dalam kes samannya terhadap calon parti pembangkang pada pilihan raya umum republik itu yang lepas, Tang Lian Hong.

Perkataan-perkataan yang menghina Johor itu telah menimbulkan bantahan rakyat dan kerajaan Malaysia dan bekas Perdana Menteri Singapura itu didesak supaya meminta maaf. Lee sudah meminta maaf dan berjanji untuk mengeluarkan perkataan-perkataan itu daripada afidavit berkenaan.

Malaysia juga menerima permohonan maaf Lee. Bagaimanapun, Malaysia berpendapat hubungan dua hala antara kedua-dua negara akan mengambil masa untuk kembali seperti sedia-kala.

Ahmad Zahid berkata, Pemuda Umno bercadang untuk menjemput para pemimpin muda Parti Tindakan Rakyat (PAP), parti yang memerintah Singapura, untuk bertukar-tukar lawatan.

"Kita merancang agar pemimpin muda PAP yang diketuai Brig-Jen (R) George Yeo datang ke Malaysia untuk berjumpa dengan Pemuda Umno dan kita juga akan ke Singapura kalau mereka menjemput kita," katanya.

Beliau berkata Pemuda Umno berharap lawatan-lawatan itu akan dapat membina "jambatan" persahabatan yang lebih erat antara kedua-dua negara.

"Kita tutup buku lama, kita buka buku baru," katanya. -- BERNAMA

AH NMO